

Semakan ketepi keputusan Mahkamah Persekutuan

Permohonan Najib semak keputusan ditetap 31 Mac

Jika dibenarkan, mahkamah akan menetapkan tarikh bagi dengar merit semakan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Permohonan Datuk Seri Najib Razak untuk mendapatkan kebenaran bagi menyemak keputusan Mahkamah Persekutuan yang menolak rayuan akhir kes penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd akan diputuskan 31 Mac ini.

Tarikh itu disahkan seorang peguam Najib, Muhammad Farhan Muhammad Shafee ketika

dihubungi pemberita semalam.

Menurut Muhammad Farhan, pihaknya menerima surat daripada Mahkamah Persekutuan yang memaklumkan mengenai tarikh berkenaan.

Jika permohonan bekas Perdana Menteri itu dibenarkan, mahkamah akan menetapkan tarikh bagi mendengar merit semakan berkenaan.

Permohonan Najib itu akan diputuskan panel lima Hakim Mahkamah Persekutuan dipengerusikan Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Datuk Abdul Rahman Sebli.

Turut bersidang di dalam panel itu ialah tiga Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Vernon Ong Kiat, Datuk Rhodzariah Bujang, Datuk Nordin Hassan, dan Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Abu Bakar Jais yang mula mendengar permohonan kebenaran bagi semakan sejak 19 Januari lalu.

Dalam permohonan kebenaran semakan berkenaan, Najib mahukan mahkamah tertinggi negara supaya menyemak keputusan panel lima hakim pada 23 Ogos tahun lalu, dengan permohonan perintah supaya keputusan rayuan utama beliau diketepikan dan beliau dilepas serta dibebaskan daripada tuduhan berkenaan.

Secara alternatif, bekas Ahli Parlimen Pekan itu memohon rayuan berkenaan didengar korum Mahkamah Persekutuan lain yang mengandungi tidak kurang daripada tujuh hakim Mahkamah Persekutuan atau yang difikirkan wajar oleh mahkamah.

Dalam afidavit Najib yang difailkan bagi menyokong permohonan itu menyatakan bahawa beliau benar-benar percaya dan dinasihatkan oleh peguam ca-

ranya bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan boleh disemak mengikut Peraturan 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995.

Beliau yang kini menjalani hukuman penjara 12 tahun di Penjara Kajang, turut memohon hukuman ke atasnya itu ditangguhkan sementara menunggu pendengaran permohonan semakan terbabit.

Pada 22 Julai 2020, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ketika itu, Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali mendapati Najib bersalah terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana SRC dan jatuhkan hukuman penjara 12 tahun serta dikenakan denda berjumlah RM210 juta.

Sabitannya dan hukuman terhadap Najib kemudian dikekalkan oleh Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.